

PERHIMPUNAN AMARAN -DR.

U.M. 30DEC1992

Oleh
Zaid Zain

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada pihak-pihak tertentu supaya jangan cuba melanggar undang-undang dengan menganjurkan perhimpunan-perhimpunan berhubung isu pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mengingatkan, keadaan mungkin sukar dikawal sekiranya undang-undang dilanggar.

"Kalau kita benarkan mereka melanggar undang-undang dan tidak mengambil tindakan, maka pihak-pihak lain akan mempersoalkan menga-



DR. MAHATHIR ...jangan cuba langgari undang-undang.

pa mereka juga tidak dibenarkan berbuat demikian," kata Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas melawat Angkasapuri hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas penyebaran risalah, dipercayai oleh Semangat 46 meminta

orang ramai menghadiri satu perhimpunan di pekarangan Istana Besar Johor Baharu pada 8 Januari ini.

Dalam pertemuan yang dijadualkan pada pukul 3 petang itu, Sultan Johor sendiri dikatakan akan menemui rakyat berhubung isu pindaan perlembagaan yang menyentuh imuniti raja-raja di sisi undang-undang.

Bagaimanapun Polis Johor setakat ini belum menerima sebarang permohonan bagi mendapatkan permit daripada mana-mana pihak untuk menganjurkan perhimpunan seumpama itu.

Dr. Mahathir menambah, beliau yakin pihak-pihak yang terlibat menganjurkan perhimpunan tersebut hanya mahu mengambil kesempatan mendapatkan pengaruh politik daripada isu pindaan perlembagaan.

"Mereka ini selalunya terdiri daripada orang yang bankrap," tegas beliau.

Mengenai pihak Istana Johor yang dikatakan terlibat dalam perhimpunan itu, Per-

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR
DI ISTANA
m m

PERHIMPUNAN DI ISTANA: AMARAN DR. MAHATHIR

U.M. 30DEC1992
dana Menteri berkata: "Terpuanglah kepada istana sama ada nak uruskan perhimpunan itu ataupun tidak."

Ditanya sama ada UMNO mahu mengadakan *road show* atau kempen penerangan besar-besaran di seluruh negara untuk menjelaskan isu pindaan tersebut kepada rakyat sebagaimana yang dilakukan oleh Semangat 46, beliau berkata, langkah itu boleh dibuat jika perlu.

"Kalau perlu kita boleh menerangkan isu ini kepada rakyat, rakyat berhak mendengar, apa yang sebenarnya berlaku, kalau dia (Semangat 46) nak buat *road show* buatlah, kita tengok *show* siapa besar lagi," katanya.